

KSN Minta Laksana Projek Secara Inovasi, Kreatif Bagi Minimumkan Tanah Bernama
14 November, 2012

RAUB, 14 Nov (Bernama) -- Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Dr Ali Hamsa meminta kakitangan kerajaan melaksanakan projek yang diluluskan secara berinovasi dan kreatif bagi meminimumkan penggunaan tanah.

Ini kerana katanya zaman penggunaan tanah secara maksimum sudah berakhir memandangkan tanah yang ada perlu disimpan untuk keperluan generasi akan datang, dan projek-projek kerajaan boleh dilaksanakan secara kompak tetapi tidak menjejaskan matlamat asal projek, baik dari segi kualiti dan kuantiti.

"Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak meminta penjawat awam melaksanakan sesuatu projek mengikut konsep CPI dan CTI.

"Konsep CPI memerlukan penjawat awam melaksanakan projek dengan cepat dan mengikut spesifikasi serta mempunyai integriti, manakala CTI pula ialah meningkatkan produktiviti secara kreatif dan inovasi," katanya ketika melakukan lawatan kerja dan mendengar taklimat mengenai pembinaan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Raub di Mukim Ulu Gali dekat sini, hari ini.

Dr Ali berkata pembinaan UiTM Kampus Raub yang menelan kos RM230 juta adalah antara enam cawangan universiti itu yang diluluskan tahun ini dan ia dijangka siap pada hujung tahun 2014, adalah antara projek yang dibina mengikut konsep CPI dan CTI iaitu penggunaan tanah secara minimum.

Katanya penggunaan tanah secara maksimum atau seluas-luasnya mengikut peruntukan sudah berlalu kerana tanah yang ada perlu disimpan untuk generasi masa depan.

Kampus itu nanti akan menempatkan pelajar Fakulti Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Fakulti Matematik dan Sains Komputer serta Fakulti Pengurusan Perniagaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=709106>